Datuk Lee sahkan tidak bantu calon Barisan

■ Datuk Lee San Choon

KUALA LUMPUR, Sabtu — Bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, secara tidak lansung mengesahkan beliau tidak akan membantu kempen calon Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen Seremban, Puan Rosie Teh.

Katanya: "Saya telah bersara dari politik. Oleh itu, saya tidak akan terlibat atau berpolitik."

Datuk Lee juga mensifatkan Puan Teh sebagai seorang wanita yang aktif, progresif, dinamik dan memahami masalah rakyat.

Bercakap kepada para pemberita selepas menyampaikan diploma dan sijil kepada 630 lulusan dari Kolej Tunku Abdul Rahman, Datuk Lee menegaskan, Puan Teh mempunyai peluang untuk memenangi pertandingan dengan Dr Chen Man Hin dari Dap.

Tarikh pilihanraya itu ialah 19 November. Ia diadakan berikutan peletakan jawatan bekas Menteri Pengangkutan itu. Datuk Lee memenangi kerusi Parlimen Seremban dalam pilihanraya umum tahun lalu dan mengalahkan Dr Chen dengan kelebihan 845 undi.

Datuk Lee mensifatkan calon yang dipilih untuk pilihanraya kecil ini sebagai pilihan yang baik.

"Saya sendiri kenal rapat dengannya. Puan Teh adalah calon yang sentiasa berusaha dan bekerja keras serta mesra dengan sesiapa saja."

Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan pula berkata para pengundi di Seremban hendaklah memberi peluang kepada Puan Teh memimpin mereka.

"Beliau masih muda dan kepemimpinannya mungkin lebih baik dari Dr Chen, jika beliau diberi peluang.

"Rakyat tempatan hendaklah meneliti keupayaan dan kebolehan memimpin pada seseorang calon untuk memastikan kejayaan. Calon muda, jika diberi peluang yang sama untuk memimpin, akan menghasilkan kejayaan yang berlipatganda, berbanding dengan calon yang telah agak lanjut usianya," kata Datuk Dr Neo.

Warta cukai boleh dikaji

MELAKA, Sabtu — Ketua Menteri, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik hari ini menegaskan warta mengenai kadar baru cukai tanah bagi negeri ini masih boleh dikaji semula sehingga ia dikuatkuasakan tahun depan.

Katanya, kadar baru cukai tanah diwartakan baru-baru ini untuk memastikan tarikh penguatkuasaan kadar baru itu pada 1 Januari depan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia